

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN BILANGAN 4 TAHUN 2021

GARIS PANDUAN SEMASA MENGEMUKAKAN DOKUMEN NOTIS MEMULAKAN KERJA PEMBANGUNAN/MELOMBONG (BORANG 8E) KEPADA PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Penerima Pajak Melombong dan Pemegang Lesen Melombong Tuan Punya mengenai garis panduan semasa mengemukakan dokumen Notis Memulakan Kerja Pembangunan/Melombong (Borang 8E) kepada Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kelantan.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri Bil. 3/2020 yang bersidang pada 30 November 2020 telah bersetuju dengan cadangan penambahbaikan operasi perlombongan di Negeri Kelantan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi meneliti amalan dan tatacara kerja berhubung dengan proses permohonan tenemen mineral dan operasi perlombongan serta pematuhan kepada peruntukan Enakmen Mineral 2001 dan undang-undang bertulis lain yang berkaitan.

3. Selaras dengan keputusan Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri tersebut, Pejabat Pengarah Tanah Galian Negeri Kelantan telah menetapkan satu garis panduan yang perlu dipatuhi semasa pengemukaan Borang 8E oleh penerima pajakan atau pemegang lesen. Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan bersama-sama dengan Borang 8E adalah seperti mana berikut :-

- 3.1. Satu salinan Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong (SKSPM); dan
- 3.2. Satu salinan Kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) (*sekiranya dikehendaki*); atau
- 3.3. Lain-lain surat kebenaran yang berkaitan (jika ada)

4. Sehubungan dengan itu, semua Penerima Pajak Melombong, Pemegang Lesen Melombong Tuan Punya dan jabatan yang terlibat hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya selaras dengan keputusan Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri dan arahan ini berkuatkuasa dengan serta merta.



.....
DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, *D.P.S.K (Kelantan), K.M.N.*
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN.

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,

Semua Penerima Pajak Melombong dan Pemegang Lesen Melombong Tuan Punya.

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YM Tengku Kaya Perkasa Dato' Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
7. YABrs. Pengarah Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan
8. YABrs. Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan
9. YABrs. Pengarah Jabatan Mineral Dan Geosains Negeri Kelantan
10. YABrs. Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan
11. YABrs. Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan
12. YABrs. Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Kelantan

13. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3 KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU, KELANTAN**

**NO. FAIL : PTG.KN.12/3/65 (7)
BERTARIKH : 18 SYAWAL 1442H
30 MEI 2021**